

Negeri Sembilan tumpu projek berimpak tinggi

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek berimpak tinggi untuk menarik pelaburan asing ke negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, selain menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat, usaha itu juga akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan seterusnya

mengurangkan jurang sosioekonomi rentas negeri.

Dalam konteks ini katanya, kerajaan negeri kini meneroka peluang kerjasama dengan usahawan dari Wilayah Anhui, China bagi membina keupayaan dan industri baharu di negeri itu.

Katanya, langkah itu diharapkan bakal menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan bergaji tinggi untuk rakyat Malaysia terutama

di Negeri Sembilan.

"Persatuan Saintis dan Usahawan Anhui (AASE) mempunyai lebih 4,000 ahli yang terdiri daripada usahawan berprofil tinggi dan merupakan kapten industri di wilayah negara itu.

"Bagi melonjakkan kemampuan, saya berharap syarikat-syarikat di bawah persatuan usahawan Anhui China ini akan terus meluaskan kehadiran mereka dan

bekerjasama dengan rakan perniagaan tempatan dan kerajaan bagi membina keupayaan dan industri-industri baharu di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap pada Majlis Makan Malam Bersama Persatuan Saintis dan Usahawan Anhui di Bandar Sri Sendayan di sini, semalam.

Yang hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk

Mohd. Zafir Ibrahim, Pengasas Kumpulan Matrix Concepts Holdings Bhd., (Matrix Concepts) Datuk Seri Lee Tian Hock dan Setiausaha AASE, Dai Jian Hua.

Aminuddin berkata, bagi mewujudkan sinergi pembangunan yang bersepadu, kerajaan negeri akan terus memberi perhatian untuk mencapai pembangunan yang lebih seimbang dan inklusif.